

DATE : 09 OCT 2024  
PUBLICATION : KOSMO  
SECTION : NIAGA  
HEADLINE : SAHAM KHPT DIBUKA 45% LEBIH TINGGI  
CATEGORY : COMPANY  
MEASUREMENT : 108 CM<sup>2</sup>  
TONE : NEUTRAL  
REMARKS : N/A

## Saham KHPT dibuka 45% lebih tinggi

**KUALA LUMPUR** – Syarikat pembekal komponen automotif, KHPT Holdings Berhad (KHPT) bermula dengan langkah kanan di Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad semalam selepas saham syarikat dibuka pada harga 29 sen, premium 45 peratus berbanding harga terbitan 20 sen sesaham melibatkan volum pembukaan sebanyak 15 juta saham.

Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif KHPT, Datuk Noripah Kamso berkata, penyenaraian berkenaan menandakan peristiwa penting bagi perniagaan KHPT, meletakkan mereka pada fasa pertumbuhan selanjutnya dalam industri automotif.

Tambahnya, lebih langgan untuk Tawaran Awam Permulaan (IPO) syarikat menandakan keyakinan pelabur yang kukuh terhadap rekod prestasi dan prospek pertumbuhan.

"Dengan permodalan pasaran RM8048 juta, kami berada pada kedudukan strategik untuk memanfaatkan hubungan dengan



**NORIPAH KAMSO (empat dari kiri) pada majlis penyenaraian saham KHPT di Bursa Malaysia di Kuala Lumpur semalam.**

Proton dan Perodua," katanya.

Bellau berkata demikian dalam kenyataan yang dikeluarkan bersempena majlis penyenaraian sulung saham KHPT di Bursa Malaysia di sini semalam.

"Keupayaan kami adalah untuk menyampaikan komponen automotif berkualiti tinggi yang disesuaikan dan telah menjadikan kami rakan kongsi yang dipercayai dalam pengeluaran

14 model Proton dan 13 model Perodua semasa dan yang terdahulu.

"Dalam evolusi berterusan industri ke arah kenderaan elektrik dan teknologi hijau, keupayaan

kejuruteraan serta kepakaran dalaman KHPT membolehkan kami tidak hanya menyesuaikan diri, malah menjadi peneraju dalam menyediakan penyelesaian yang inovatif," katanya.